

26 FEB 2003

NAM-Penghargaan/I

PENGHARGAAN KEPADA RAKYAT M'SIA ATAS KEJAYAAN SIDANG NAM

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia kerana kejayaan Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berakhir di sini semalam.

Beliau berkata penghargaan patut diberikan kepada semua yang terlibat, termasuk kakitangan keselamatan, perkhidmatan dan hospitaliti serta petugas media atas kerjasama dan semangat berpasukan dalam menganjurkan acara sebesar ini.

Sambil mengakui peranan besar yang dimainkan media bagi liputan meluas sidang kemuncak enam hari itu, beliau berkata kerajaan puashati dengan kejayaan sidang kemuncak tiga tahun sekali itu.

"Saya berpendapat tiada ganjaran yang lebih baik daripada kepuasan...orang lain (warga asing) telah menyatakan rasa puashati dan penghargaan mereka bagi penganjuran sidang kemuncak itu bukan hanya kepada pusat media di sini (Pusat Dagangan Dunia Putra yang juga tempat sidang kemuncak itu berlangsung) tetapi juga hotel-hotel.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda semua (petugas media) penghargaan tulus ikhlas kami kepada semua atas kejayaan sidang kemuncak ini," katanya pada persidangan media selepas pertemuan dengan Menteri Luar Peru Allan Wagner Tizon, di sini.

Syed Hamid berkata kerajaan akan mengadakan jamuan malam bagi semua yang terlibat dalam penganjuran sidang kemuncak itu malam esok dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tetamu kehormat.

Beliau berkata walaupun penganjuran acara sebesar ini melibatkan kos yang besar, tetapi limpahan faedah juga banyak yang diperolehi.

Para pemimpin asing dan delegasi yang menghadiri sidang kemuncak itu memberikan pujian yang tidak terhingga kepada Malaysia kerana menganjurkan perhimpunan gergasi ini yang dihadiri 116 negara, persidangan antarabangsa paling besar yang pernah diadakan negara setakat ini.

Sidang kemuncak itu, forum politik terbesar di luar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengandungi 191 anggota, menghimpunkan hampir 3,000 anggota delegasi dan 2,000 petugas media dari negara-negara NAM di Asia, Afrika, Eropah, Amerika Latin dan Caribbean.

-- BERNAMA

HS HS RON